

Sebut semula kes ‘Datuk’ NFC 27 Mac

KLANG: Mahkamah Majistret di sini, menetapkan kes Datuk Shamsubahrin Ismail, ahli perniagaan dikaitkan dengan isu National Feedlot Corporation (NFC) yang didakwa atas tuduhan menipu pemandu teksi mengakibatkan mangsa kerugian RM90,000, disebut semula pada 27 Mac depan.

Majistret Ho Kwong Chin menetapkan tarikh itu se-

lepas kes itu disebut semula semalam.

Shamsubahrin, 46, yang tidak mengaku bersalah didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan menipu pemandu teksi, Limat Jonit, 57, dengan mempelawa individu itu untuk melabur dalam perniagaannya yang tidak wujud sehingga mendorong lelaki itu memasukkan RM90,000 ke dalam akaunnya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Maybank cawangan Pelabuhan Klang, di sini, pada 24 Mac 2010 dan jika sabit kesalahan, Shamsubahrin boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun dan sebatan serta boleh didenda.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Elya Ezrin Mohd Roslan manakala tertuduh diwakili peguam Zarina Ismail.